

Dr Mahathir enggan kerjasama dengan Anwar

Tun M sifatkan semua janji Ketua Pembangkang tak boleh dipercayai

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Shah Alam: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan menjalin sebarang kerjasama dengan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Perdana Menteri itu menyifatkan segala janji dan kata-kata ditaburkan Ahli Parlimen Port Dickson itu langsung tidak boleh dipercayai.

“Kita tawar kerjasama dengan Pakatan Harapan (PH) Plus, tetapi Anwar tolak saya bulat-bulat.

“Saya tawarkan untuk jadi Perdana Menteri selama enam bulan saja, dia tolak. Saya bagi nama Shafie (Presiden Parti Warisan Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal) pun dia tak nak.

“Masalahnya sekarang, Anwar tak ada cukup sokongan, tetapi asyik capak ada majoriti utuh, kuat dan meyakinkan.

“Eh, *you* (awak) pergi balikhlah!” katanya pada sidang media Majlis Amanat Perjuangan 2021, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Ketua Pemudanya, Dr Abu Hafiz Salleh Hudin.

Selasa lalu, Anwar dilaporkan berkata, gagasan baharu yang bakal dibentuk PH terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pemimpin parti politik termasuk



Dr Mahathir berucap pada Majlis Amanat Perjuangan 2021 di Shah Alam, semalam. (Foto Khairul Azhar Ahmad/BH)

Dr Mahathir.

Bagaimanapun, tawaran itu diberikan secara bersyarat iaitu perlu mematuhi segenap prinsip yang digariskan gagasan baharu PH dan tidak boleh mempunyai sebarang agenda peribadi.

Mengimbau peristiwa pada 2008, Dr Mahathir berkata, bekas Menteri Kewangan itu mengakui mempunyai sokongan yang mencukupi dalam kalangan Ahli Parlimen, selepas kerajaan diterajui Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika itu hanya meraih majoriti tipis.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Pengerusi PEJUANG, berkata dakwaan ‘manis’ itu langsung tidak mempunyai asas.

“Cuba kamu kira berapa kali Anwar pernah janji dan tunaikan janji dia? Sebab itu saya langsung tidak percaya apa lagi dia nak capak.

“Saya dulu sanggup ketepikan masa silam dan bekerjasama de-

ngan Anwar, tetapi sekarang dia yang tak nak bekerjasama dengan saya,” katanya.

Dr Mahathir berkata, PEJUANG juga mempunyai ‘pelan B’ jika Pendaftar Pertubuhan (ROS) masih bertegas untuk tidak meluluskan pendaftaran parti itu.

“Kita ada pelan B, tetapi ia rahsia. Sama juga macam nasib menimpa Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) apabila dibatalkan pendaftarannya pada saat akhir.

“Kita masih boleh mengharungi pilihan raya dengan cara lain,” katanya.

Sementara itu, Mukhriz berkata, ahli PEJUANG akan bergerak menggunakan saluran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk sementara waktu.

Beliau berkata, percaturan itu dibuat sementara menanti kelulusan parti berkenaan yang masih tertangguh di peringkat ROS.

Apabila diluluskan, katanya,

PEJUANG akan mengambil segala kredit usaha dan khidmat diberikan NGO berkenaan.

“Kita kena bersabar, sebab sabar sebahagian daripada iman. Ini tidak bermakna kita tidak boleh bergerak untuk berkhidmat kepada rakyat.

“Maka kita tubuhkan sebuah NGO dengan kelulusan RoS iaitu Pertubuhan Gerak Khidmat Rakyat Malaysia (KHIDMAT).

“Kita akan gunakan NGO ini untuk apa juga aktiviti mewakili PEJUANG, apabila sudah lulus nanti kita boleh ambil kredit semua kerja dan kebaikan sebagai usaha PEJUANG,” katanya.

Mengulas matlamat PEJUANG, Mukhriz berkata, parti itu akan merintis usaha membasmi kemiskinan tegar.

Katanya, perangkaan menunjukkan kadar kemiskinan tegar di negara ini berada pada tahap tiga peratus dan ia tidak cukup memberangsangkan.